

NO. SOALAN : 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2016 (ISNIN)

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah hutang terkumpul peneroka FELDA di 317 tanah rancangan dan adakah benar pihak FELDA tidak memberi salinan maklumat hutang kepada peneroka terbabit secara terperinci.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Julai 2016, jumlah hutang terkumpul bagi peneroka adalah berjumlah RM5.0 billion iaitu terdiri daripada hutang Pembangunan Kebun sebanyak RM3.6 billion, hutang Sosioekonomi sebanyak RM1.3 billion dan hutang Pendahuluan Baja berjumlah RM158 juta. Hutang Pembangunan Kebun terdiri daripada hutang semasa pembangunan asal kebun, hutang pembangunan tanam semula dan hutang peneroka yang mengambil alih kebun daripada pengurusan FELDA. Hutang Sosioekonomi pula terdiri daripada pinjaman pembesaran rumah, pinjaman saham FGV, pinjaman usahawan, pinjaman komputer dan pinjaman pelajaran. Manakala hutang Pendahuluan Baja adalah bagi peneroka yang mengambil baja dengan kaedah bayaran ansuran bulanan.

Daripada ketiga-tiga kategori hutang tersebut, Hutang Pembangunan Kebun merupakan hutang tertinggi yang ditanggung oleh peneroka memandangkan peneroka perlu membayar semula sejumlah kos operasi yang didahulukan oleh FELDA dan juga pinjaman sara hidup serta pendahuluan hasil yang diberi oleh FELDA secara pilihan. Bayaran kembali hutang ini hanya akan dilaksanakan oleh FELDA setelah kebun peneroka mengeluarkan hasil iaitu pada tahun kelima (5) atau keenam (6) dalam tempoh pembangunan tanam semula dan dipotong melalui *paysheet* bulanan mereka. Hutang Sosioekonomi pula merupakan skim pinjaman tanpa faedah yang ditawarkan oleh FELDA kepada peneroka dan bukanlah hutang wajib yang ditanggung oleh semua peneroka.

Berkenaan penyata hutang pula, ketiga-tiga kategori hutang berkenaan mempunyai penyata terperinci masing-masing yang boleh dicapai menerusi sistem dan boleh diperolehi di peringkat rancangan. Pada masa sekarang FELDA sedang menambahbaik kaedah penyampaian penyata tersebut bagi membolehkan semua penyata diintegrasikan dan dicapai menerusi satu capaian iaitu E-Penyata. Menerusi E-Penyata, peneroka boleh melihat kedudukan terkini jumlah pinjaman, jumlah kutipan serta baki hutang semasa dalam satu penyata. Sistem ini dijangka boleh digunakan sepenuhnya bermula Oktober 2016.

Bagaimanapun, bermula September 2016, FELDA sedang menumpukan kepada pembentangan hutang pembangunan kebun memandangkan kebun peneroka telah melepassi tempoh pembangunan tanam semula dan telah mula dikunci bagi mendapatkan jumlah hutang sebenar.

Sekian. Terima kasih.